

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 9 OGOS 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 48

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah implikasi negatif ekonomi dan sosial yang berlaku apabila Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa masih gagal dinaiktaraf sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa. Apakah kemajuan terkini projek pembesaran LTSIP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada implikasi negatif terhadap ekonomi dan sosial yang berlaku apabila Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa masih gagal dinaiktaraf sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa memandangkan pada masa ini LTSIP telah pun mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa.

Walaupun LTSIP tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang ini boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh.

Pada masa ini, terdapat penerbangan terus dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke LTSIP dengan kekerapan 76 kali seminggu. Manakala dari destinasi lain seperti Subang, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching dengan kekerapan 97 kali seminggu.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra telah diluluskan pada 29 Mac 2016 secara tender terhad kepada lima (5) kontraktor. Keputusan Lembaga Perolehan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada 4 Oktober 2017. Walau bagaimanapun, pada 27 Oktober 2017,

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada ketika itu, telah mengarahkan agar projek ini ditender semula kepada lima (5) kontraktor yang sama.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, projek ini sedang dalam proses penilaian tender. Walau bagaimanapun, dasar semasa Kerajaan adalah proses perolehan dilaksanakan secara tender terbuka bagi mendapatkan lebih nilai dan lebih telus.

Proses tender terbuka akan dilaksanakan secepat mungkin selepas perbincangan dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi diadakan.